

Negara perlu memanfaatkan peluang platform e-dagang

Jualan e-dagang global mencecah AS\$25.6 trilion pada 2018 dan menyumbang sehingga 30 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global.

Angka ini merangkumi penjualan perniagaan ke perniagaan (B2B) dan perniagaan ke pengguna (B2C) berpancukan anggaran e-dagang global Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) 2018.

Menurut UNCTAD, negara membangun dan peralihan menyumbang kira-kira 50 peratus daripada 20 ekonomi teratas menerusi penjualan komersial B2C pada 2018.

Malaysia menduduki tempat ke-18 dalam 20 ekonomi teratas dengan sumbangan penjualan e-dagang B2C AS\$19 bilion, iaitu sebanyak KDNK enam peratus dengan 15 juta pembeli dalam talian, 53 peratus pengguna internet beli-belah dalam talian.

Lokasi strategik dan ekonomi Malaysia yang dinamik tarikan utama pasaran e-dagang. Kemajuan infrastruktur untuk teknologi digital turut menyumbang pertumbuhan e-dagang di Malaysia. Malaysia mempunyai kira-kira 25.84 juta pengguna internet aktif (80 peratus daripada populasi) dan populasi ini mempunyai kadar penggunaan telefon bimbit sangat tinggi.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, daripada 32.7 juta rakyat (data

setakat 2020), 25 juta adalah pengguna media sosial, 40.24 juta langganan mudah alih dan 24 juta menggunakan media sosial pada peranti mudah alih mereka.

Perbelanjaan e-dagang rakyat Malaysia meningkat 24 peratus pada 2018 dan dengan dasar kerajaan menjadikan pertumbuhan ekonomi dalam talian keutamaan nasional, besar kemungkinan Malaysia terus menikmati pertumbuhan kuat e-dagang masa akan datang.

Kategori barangan pengguna dalam talian Malaysia bernilai AS\$3.1 bilion pada 2018, merangkumi 51 peratus jumlah perbelanjaan e-dagang.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, dengan penembusan internet tertinggi di Asia Tenggara pada kadar 85.7

peratus dan penembusan mudah alih hampir 140 peratus, Malaysia satu daripada pasaran e-dagang berkembang pesat rantau ini.

Malaysia platform e-dagang terbesar Asia Tenggara dan dapat dianggap titik masuk untuk peluang rentas sempadan ke pasar serantau lain.

Malaysia membangunkan kemudahan logistik rentas sempadan seperti Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) supaya meningkatkan potensinya untuk memenuhi keperluan seluruh ASEAN. Mengenai tinjauan e-dagang ASEAN, dari 2018 hingga 2019, Malaysia mengalami peningkatan terbesar dalam kegiatan e-dagang, iaitu sebanyak 46.5 peratus di ASEAN, diikuti Indonesia 28.1 peratus dan Thailand 17.3 peratus.

Menurut Austrade, untuk tempoh 2018 hingga 2023, Malaysia dijangka memiliki kadar pertumbuhan tertinggi iaitu 35 peratus untuk jumlah aktiviti e-dagang di ASEAN, diikuti Indonesia 26.9 peratus dan Thailand 17.9 peratus.

Inisiatif kerajaan memperkenalkan DFTZ yang memfokuskan pembangunan ekosistem dan menjadi pemangkin ekonomi internet dan aktiviti e-dagang yang berkembang pesat di Malaysia amat tepat pada masa. DFTZ membawa manfaat kepada e-dagang merentas luas, di mana Malaysia mengalami peningkatan terbesar aktiviti e-dagang asing, iaitu mencecah 54.9 peratus di ASEAN.

Untuk tempoh 2018 hingga 2023, Malaysia diramal mempunyai kadar pertumbuhan tertinggi sehingga 41.2 peratus untuk aktiviti e-dagang asing di ASEAN.

Pandemik COVID-19 menjadikan keadaan ekonomi lebih mendesak dan usaha memastikan negara dapat memperkukuhkan kesiapan e-dagang tidak boleh diabaikan. Kerajaan harus melakukan lebih banyak perkara untuk memastikan rakyat dapat memanfaatkan peluang e-dagang.

Jika tidak, perniagaan dan individu akan kehilangan peluang ditawarkan ekonomi digital dan mereka akan kurang bersedia menghadapi pelbagai cabaran pada masa depan.

Penulis adalah Prof Madya di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM)



Dr Ong Tze San



Kadar penembusan internet tinggi merancakkan aktiviti e-dagang negara. (Foto hiasan)